

Pola Komunikasi Rentas Sempadan di Telok Melano-Temajuk, Borneo Barat: Satu Analisis Teori Akomodasi Komunikasi

Patterns of Cross-Border Communication in Telok Melano-Temajuk, West Borneo: An Analysis of Communication Accommodation Theory

DILAH TUAH & CHONG SHIN

ABSTRAK

Masyarakat sempadan di Telok Melano, Sarawak (Malaysia) dan Temajuk, Kalimantan Barat (Indonesia) yang wujud pada awal tahun 1980-an, telah membentuk satu pola komunikasi rentas sempadan yang unik di kawasan Borneo Barat. Pada peringkat awal, kedua-dua penutur di Telok Melano-Temajuk menuturkan satu variasi bahasa yang sama iaitu dialek Melayu Sambas. Selepas empat dekad pembentukan masyarakat sempadan (1980-2020), pola komunikasi di kedua-dua kawasan telah mengalami perubahan yang signifikan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pola komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajuk berpandukan Teori Akomodasi Komunikasi Gilles. Pengumpulan data kajian berasaskan pendekatan kualitatif iaitu melalui rakaman perbualan, wawancara dan pemerhatian ikut serta. Sebanyak lima sampel dialog yang melibatkan perbualan antara penutur dari Telok Melano-Temajuk telah dianalisis. Setiap interaksi dalam dialog dianalisis menggunakan strategi konvergensi dan divergensi bagi mengenal pasti pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat. Dapatan kajian menunjukkan pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat telah menyumbang kepada fenomena integrasi dan pilihan variasi bahasa dalam interaksi harian dua kelompok masyarakat yang tinggal berdekatan, tetapi dipisahkan oleh sempadan antarabangsa. Dari sudut akomodasi komunikasi, pola komunikasi di Telok Melano-Temajuk berbeza mengikut umur informan. Generasi tua di Telok Melano didapati melakukan strategi konvergensi apabila berinteraksi dengan penutur dari Temajuk iaitu dari dialek Melayu Telok Melano kepada dialek Melayu Desa Temajuk. Manakala generasi muda di Telok Melano didapati mula beralih kepada dialek Melayu Sarawak variasi Kuching yang merupakan lingua franca di Sarawak. Kajian ini merupakan dapatan penting yang merekodkan pola komunikasi rentas sempadan di fasa transisi pasca pembukaan jajaran Telok Melano-Sematan, Lebuhraya Pan Borneo.

Kata kunci: komunikasi rentas sempadan, masyarakat sempadan, Akomodasi Komunikasi, Borneo Barat, Telok Melano-Temajuk.

ABSTRACT

The Telok Melano, Sarawak (Malaysia), and Temajuk, West Kalimantan (Indonesia) border communities existed in the early 1980's has created a unique communication pattern in West Borneo. In the early stages, both speakers in Telok Melano-Temajuk had spoken a similar language variation called Malay Sambas dialect. After four decades of the border community formation (1980-2020), the communication pattern in both areas has experienced a significant change. Thus, the objective of this study is to analyse the cross-border communication pattern of Telok Melano-Temajuk based on Gilles' Communication Accommodation Theory. Research data were obtained using qualitative approach through recordings, interviews, and participant observations. There are five dialogue samples obtained from the speakers from Telok Melano-Temajuk for analysis. Every interaction in the dialogue was analysed using convergence and divergence strategy to identify the border community communication pattern in West Borneo. The study found the border community communication pattern in West Borneo had contributed to the integration phenomenon and language variation choice in daily interaction of two community groups living in proximity but separated by international border. From the communication accommodation perspective, the communication pattern at Telok Melano-Temajuk is different according to the informant's age. The older generation at Telok Melano was found to use the convergence strategy when interacting with speakers from Temajuk by switching from Telok Melano Malay dialect to Desa Temajuk Malay dialect. On the other hand, the younger generation at Telok Melano was found to begin its transition to the Sarawak Malay dialect, specifically the Kuching variation which is Sarawak's lingua franca. The finding in this study is important to record the border community's communication pattern transition after the opening of the Telok Melano-Sematan alignment of the Pan-Borneo Highway.

Keywords: cross-border communication, border community, Communication Accommodation, West Borneo, Telok Melano-Temajuk.

PENGENALAN

Borneo Barat merupakan wilayah yang berada di dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Istilah Borneo Barat secara umumnya merujuk kepada wilayah geografi dan bukannya wilayah politik seperti dalam tulisan Hudson (1970), Irwin (1986), Chong (2008), Ishikawa (2010), Yusriadi (2014), Smith (2017), Sugiardi et al. (2021), Aimei et al. (2022) dan lain-lain. Sebelum pembentukan negara bangsa merdeka pada pertengahan abad ke-20 Masihi, kawasan Borneo Barat telah dikuasai oleh Inggeris dan Belanda. Menurut Sanib (2013), garis sempadan antara kedua-dua kuasa barat ini di Pulau Borneo diputuskan pada tahun 1883 dengan menggunakan konsep aliran sungai (*watersheds of rivers*). Selepas itu, terdapat beberapa perjanjian sempadan antara pihak Inggeris dengan Belanda, antaranya *Convention Between Great Britain and the Netherlands Defining Boundaries in Borneo 1891*, *Agreement between the United Kingdom and the Netherlands Relating to the Boundary between the State of North Borneo and the Netherland Possessions in Borneo* yang ditandatangani di London pada 28 September 1915 dan *Convention between His Majesty in respect of the United Kingdom and Her Majesty the Queen of the Netherlands respecting the delimitation of the frontier between the states in Borneo under British protection and Netherlands territory in that island* yang ditandatangani di Hague, Belanda pada 26 Mac 1928 (Haller-Trost, 1995). Kesemua perjanjian-perjanjian ini hanya memutuskan kawasan yang dimiliki oleh Inggeris dan Belanda di Pulau Borneo. Walaupun begitu, penduduk di Pulau Borneo dan kawasan sekitarnya masih bebas bergerak dan bermigrasi dari wilayah Belanda ke wilayah Inggeris mahupun sebaliknya. Buktinya pada tahun 1895, sekumpulan penduduk dari wilayah Belanda yang diketuai oleh Penghulu Haji Taha (golongan Nakhoda) dari Mempawah, Sambas, telah memohon kebenaran Rajah Charles Brooke untuk membuka kawasan penempatan dan pertanian di Telok Serabang sebelum membina penempatan di Telok Melano (*Sarawak Gazette*, 1895).

Migrasi penduduk dari wilayah Belanda ke wilayah Inggeris khususnya ke daerah Lundu, Sarawak telah berlangsung sehingga pertengahan abad ke-21 Masihi. Kebanjiran penduduk etnik Melayu dari kawasan Sambas di Lundu turut membentuk sebuah komuniti yang dikenali sebagai 'Melayu Sambas' serta menuturkan dialek Melayu Sambas. Kenyataan ini turut disokong oleh Laporan


Daerah Lundu yang dikeluarkan pada tahun 1908 iaitu, "*all the new resident of Lundu had Sambas origin*" (*Sarawak Gazette*, 1 Jun 1908: 136). Selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, garis sempadan negara bangsa yang baharu telah memisahkan penduduk di Borneo Barat kepada dua warganegara iaitu Malaysia dan Indonesia. Pergerakan rentas sempadan yang berlaku secara bebas sebelum ini sudah dianggap sebagai pencerobohan atau pendatang asing yang boleh dikenakan tindakan undang-undang imigresen. Manakala di kawasan perbatasan, kedua-dua buah negara mula membina sempadan fizikal di Borneo Barat. Sempadan fizikal merujuk kepada pembahagi di antara kedua-dua wilayah yang ditandai dengan kawat berduri, pos kawalan tentera, tembok sempadan, gunung, sungai, peta, atau pokok bagi membezakan siapa yang berada di dalam dan di luar sempadan (Ramli et al., 2015). Justeru, selepas adanya sempadan fizikal, apakah pola komunikasi di antara kedua-dua komuniti sempadan yang berjiranan ini?

Di Borneo Barat khususnya di Telok Melano dan Temajuk, komunikasi rentas sempadan di antara kedua-dua penempatan ini telah berlaku pada awal tahun 1980-an iaitu selepas pembukaan Desa Temajuk oleh para pembalok yang berasal dari kawasan Sambas. Pada proses awal pembentukan masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajuk, kedua-dua komuniti ini menuturkan satu variasi bahasa yang sama iaitu dialek Melayu Sambas. Kendatipun begitu dalam penelitian mutakhir Chong et al. (2022) di Telok Melano, mendapati generasi tua di Telok Melano masih menuturkan dialek Melayu Sambas, manakala generasi muda mula beralih kepada dialek Melayu Sarawak variasi Kuching. Walaupun penemuan Chong et al. (2022) penting dan berguna, namun dari sudut penelitian yang bersifat mikro dapatan tersebut masih belum memadai untuk menentukan pola komunikasi rentas sempadan di kawasan Telok Melano-Temajuk. Sehubungan itu, penelitian ini akan membahaskan pola komunikasi rentas sempadan di salah satu kawasan di Borneo Barat iaitu di Telok Melano-Temajuk dengan mengaplikasikan Teori Akomodasi Komunikasi yang dipelopori Gilles (1973). Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif, iaitu (i) memaparkan situasi pilihan bahasa dalam kalangan dua komuniti yang berbeza dari segi variasi Melayu, (ii) menganalisis pola akomodasi pertuturan yang wujud dalam kalangan masyarakat persempadanan di Telok Melano.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Telok Melano (Sarawak) dan Temajuk (Kalimantan Barat) iaitu dua buah penempatan yang terletak di sempadan Malaysia dan Indonesia, Borneo Barat (lihat Peta 1). Telok Melano merupakan perkampungan nelayan di bahagian paling hujung di barat daya Sarawak. Penempatan di Telok Melano diklasifikasikan sebagai perkampungan Melayu oleh Harrisson (1970). Pada awal tahun 1960-an, Harrisson (1970) menganggarkan populasi etnik Melayu di Kampung Telok Melano termasuk Poi atau Pueh adalah sekitar 72 orang. Dalam kajian yang dijalankan oleh

Nazaruddin (2003), jumlah penduduk di Kampung Telok Melano pada tahun 2000 adalah seramai 229 orang. Merujuk data dari Majlis Daerah Lundu, jumlah penduduk di Kampung Telok Melano pada tahun 2013 dianggarkan sekitar 234 orang. Manakala hasil temu bual bersama Ketua Kaum Amezan bin Abdul Hassan pada 6 Januari 2020, mendapati bahawa jumlah penduduk di Kampung Telok Melano adalah seramai 305 orang. Kesemua penduduk di Telok Melano beragama Islam dan mengamalkan budaya Melayu termasuk budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sambas seperti budaya ‘pakatan’.



PETA 1. Kawasan kajian di Telok Melano-Temajuk

Desa Temajuk merupakan penempatan paling hujung di provinsi Kalimantan Barat, Indonesia dan terletak bersebelahan dengan Kampung Telok Melano, Sarawak, Malaysia. Bagi masyarakat Sambas, Temajuk dikenali sebagai ‘Ekor Kalimantan’ (Yusriadi & Ismail, 2015). Desa Temajuk mula dibuka pada awal tahun 1980-an oleh pembalok-pembalok, yang kemudiannya mengambil keputusan untuk menetap di kawasan tersebut. Menurut Kamarullah et al. (2017), Desa Temajuk dibangunkan oleh H. Syafari pada tahun 1982 bersama rakan-rakannya yang lain. Mereka merupakan kelompok awal yang datang ke Temajuk untuk menjalankan aktiviti

pembalakan yang kemudiannya menjual hasil kayu ke Sematan, Sarawak melalui jalan laut. Menurut data Direktorat Jenderal Kependudukan dan Pencatatan Sipil, Kemendagri Republik Indonesia tahun 2020, jumlah penduduk yang terdapat di Desa Temajuk yang terdiri dari Dusun Maludin, Dusun Camar Bulan, dan Dusun Sempadan (Tekam Patah) dianggarkan sekitar 2561 orang. Terdapat beberapa etnik menetap di Desa Temajuk iaitu etnik Melayu, Jawa, Cina, dan Dayak yang rata-ratanya beragama Islam dan Konfusianisme. Jadual 1 memaparkan perbandingan populasi di Telok Melano dan Temajuk pada tahun 2020.

JADUAL 1. Perbandingan Populasi di Telok Melano – Temajuk tahun 2020

Lokasi	Populasi (orang)	Sumber
Telok Melano	305	Amezan bin Abdul Hassan (2020)
Desa Temajuk	2561	Dukcapil Online 2020

Dari segi hubungan, kedua-dua masyarakat sempadan ini mempunyai susur galur keturunan yang sama, tetapi dipisahkan oleh garisan politik antarabangsa. Hal ini secara tidak langsung telah membentuk dua buah kelompok masyarakat yang berbeza, iaitu kelompok yang beridentiti bangsa Indonesia dan bangsa Malaysia. Namun demikian, kedua-dua kelompok masyarakat ini mempunyai kekerapan interaksi yang tinggi sesama mereka. Penelitian ini amat signifikan dari segi mengkaji pola komunikasi rentas sempadan bagi komuniti yang dipisahkan oleh sempadan politik antarabangsa di Borneo Barat.

KERANGKA KONSEPTUAL

Teori akomodasi komunikasi merupakan salah satu teori komunikasi yang diperkenalkan oleh Howard Giles pada tahun 1971 (Vatamanescu & Andra, 2010). Menurut Dragojevic et al. (2015), teori akomodasi komunikasi merujuk kepada rangka kerja teori umum bagi komunikasi interpersonal dan antara kumpulan. Pada asasnya teori ini bertujuan untuk menerangkan dan meramalkan mengapa, bila, dan bagaimana seseorang penutur menyesuaikan tingkah laku komunikatif mereka semasa interaksi sosial, dan apakah akibat sosial yang terhasil daripada pelarasan tersebut. Terdapat dua strategi dalam teori akomodasi pertuturan iaitu konvergensi dan divergensi. Menurut Nguyen dan Hamid (2019), konvergensi merujuk kepada situasi seseorang penutur memilih bahasa untuk tujuan mendekati pilihan bahasa lawan bicara, bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi, menjalinkan atau mengekalkan hubungan rapat, memupuk identiti bersama atau mengurangkan jarak sosial antara mereka. Manakala divergensi berlaku ketika penutur memilih bahasa untuk tujuan menggambarkan identiti baharu atau berbeza atau memaparkan perbezaan atau jarak sosial antara mereka (Coupland, 2008). Dalam konteks komunikasi di Telok Melano-Temajuk, penutur

di kawasan ini pada awalnya menuturkan variasi bahasa yang sama iaitu dialek Melayu Sambas. Namun selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 dan pasca pembukaan jajaran Telok Melano-Sematan, Lebu Raya Pan Borneo pada 26 Januari 2019, apakah masih wujud bentuk komunikasi yang seragam di kawasan kajian?

Dapatan kajian Chong et al. (2022) yang menyentuh secara ringkas pola komunikasi di Telok Melano mendapati dialek Melayu Sarawak variasi kuching dituturkan dengan meluas di Telok Melano. Manakala penelitian Yusriadi dan Ismail (2015) di Temajuk mendapati adanya pengaruh kosa kata bahasa Malaysia (bahasa Melayu standard) dalam komunikasi harian masyarakat di Temajuk. Kendatipun begitu, dapatan Chong et al. (2022) dan Yusriadi dan Ismail (2015) masih belum memadai untuk menggambarkan bentuk komunikasi rentas sempadan di kawasan kajian. Justeru, penelitian ini akan meninjau pola komunikasi dalam kalangan masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajuk dengan mengaplikasikan teori akomodasi komunikasi Gilles.

SOROTAN KAJIAN

Penerapan teori akomodasi komunikasi yang meneliti pelbagai bentuk komunikasi anggota masyarakat telah dimanfaatkan oleh para pengkaji seperti Hantgan (2017), Tsoumou (2019), Chevalier et al. (2020), Morgan et al. (2020), Montgomery et al. (2021), Woods & Ruscher (2021), Ayeni (2021), Malloy et al. (2022), Rami et al. (2022) dan lain-lain. Di Malaysia, teori ini pernah diaplikasikan oleh Chong (2010), Idris et al. (2010), Remmy (2011), Mohd Arif et al. (2020) dan beberapa pengkaji yang lain. Dalam kajian Chong (2010) misalnya, teori akomodasi komunikasi diaplikasikan untuk meninjau bentuk-bentuk pertuturan yang dihasilkan oleh penutur-penutur Iban dari latar belakang varian Iban yang berbeza dan menganalisis unsur-unsur akomodasi yang terkandung di dalamnya. Dapatan

kajian tersebut menunjukkan akomodasi pertuturan didorong oleh faktor sosial psikologi selain bertujuan untuk membuat penegasan, mengejek dan menjamin komunikasi dua hala yang efektif. Manakala Idris et al. (2010) pula meneliti akomodasi terhadap aksen standard kebangsaan dalam kalangan informan penutur asli Melayu di dua buah bandar raya di Malaysia, iaitu Kuching dan Kota Bharu. Dapatan kajian menunjukkan akomodasi dan penggunaan aksen standard kebangsaan belum meluas sama ada di Kuching mahupun di Kota Bharu. Remmy (2011) mengaplikasikan teori akomodasi dalam meneliti kepelbagaian variasi bahasa Iban dan corak pemilihannya dalam interaksi di bahagian Barat Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga corak interaksi yang wujud semasa penutur-penutur Iban berinteraksi iaitu (i) penggunaan variasi Iban standard (lisan); (ii) menggunakan variasi masing-masing; dan (iii) melakukan akomodasi pertuturan terhadap variasi lawan bicara. Ketiga-tiga corak interaksi ini berkait rapat dengan domain-domain seperti tempat, darjah keakraban, tahap kompetensi, topik perbualan dan sebagainya. Selanjutnya kajian Mohd Alif et al. (2020) yang meneliti strategi komunikasi yang digunakan oleh sukarelawan dalam mendekati dan membantu para gelandangan semasa pandemik Covid-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sukarelawan menggunakan strategi komunikasi melalui pendekatan ramah, menggunakan bahasa yang sesuai, menggunakan komunikasi bukan lisan yang sesuai, dan menghindari penggunaan kata-kata penghakiman dengan para gelandangan.

Daripada ulasan ringkas kosa ilmu di atas, didapati belum ada penelitian yang membahaskan pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat berpandukan teori akomodasi komunikasi. Kajian sedia ada iaitu Hantgan (2017), meneliti akomodasi komunikasi ke atas tiga kumpulan penutur secara fizikal berkumpul di sebuah persimpangan jalan di sebuah kawasan di barat daya Senegal. Manakala Tsoumou (2019) meneliti akomodasi komunikasi dalam kalangan pengguna Facebook di Congo. Daripada ulasan ringkas kosa ilmu di atas, dapat dirumuskan bahawa penelitian yang mendeskripsikan dan menganalisis akomodasi komunikasi yang berlaku ke atas masyarakat

sempadan di Telok Melano-Temajuk masih belum dikupas secara tuntas. Selain itu, kepesatan pembangunan pasca pembukaan jajaran Telok Melano-Sematan, Lebu Raya Pan Borneo pada 26 Januari 2019 bakal memangkinkan komunikasi dua hala di Telok Melano-Temajuk. Justeru, penelitian ini amat signifikan dalam melaporkan pola komunikasi rentas sempadan terkini yang berlaku dalam kalangan masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajuk.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan dua kaedah penyelidikan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Menurut George (2008), kajian perpustakaan ialah kaedah mengumpul data primer melalui kajian dan pemahaman data yang mempunyai kaitan rapat dengan isu-isu daripada buku, teori dan dokumen. Dalam kajian ini, kajian perpustakaan digunakan untuk mendapatkan data-data bertulis tentang lokasi dan komuniti sempadan yang dikaji, data sekunder bagi tujuan perbandingan serta data kontemporari yang berkaitan dengan kajian. Bailey (2007) mentakrifkan kajian lapangan sebagai suatu kajian sistematik, terutamanya melalui interaksi dan pemerhatian bersemuka jangka panjang, dalam kehidupan seharian. Matlamat utama penyelidikan lapangan adalah untuk memahami kehidupan seharian dari perspektif penyelidik dalam suasana atau kumpulan sosial yang diminati. Menurut Collins (2016), penelitian yang baik harus bermula dengan pengetahuan tentang kawasan kajian. Justeru bagi kajian ini, penelitian di lapangan telah dijalankan di Kampung Telok Melano, Sarawak dan Desa Temajuk, Kalimantan Barat bermula pada 6 Januari 2020 sehingga 12 Januari 2020. Manakala beberapa dialog perbualan iaitu dialog 1, 2 dan 3 diperolehi daripada rakaman panggilan telefon khususnya selepas penutupan sempadan Telok Melano-Temajuk pada 18 Mac 2020. Dalam penelitian ini, pemilihan kawasan kajian berasaskan enam kriteria kebolehpercayaan dan kesahan penyelidikan kualitatif Maxwell (2008) seperti yang dipaparkan pada Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2. Kriteria kebolehpercayaan dan kesahan penyelidikan kualitatif Maxwell (2008)

Kriteria	Keterangan
Insentif, keterlibatan jangka panjang	Pengkaji telah menjalankan kajian lapangan selama 3 minggu iaitu bermula pada 6 Januari 2020 sehingga 26 Januari 2020 di Telok Melano-Temajuk. Pengkaji turut terlibat secara langsung dalam aktiviti dan kegiatan harian masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajuk melalui kaedah observasi partisipasi.
Data yang banyak	Data yang dikutip di Telok Melano-Temajuk mencakupi nota pemerhatian, data temu bual mendalam (<i>in-depth interview</i>), rakaman perbualan dan sumber sekunder yang lain.
Pengesahan responden	Kajian ini melibatkan ketua masyarakat dan ketua budaya di Telok Melano-Temajuk. Seramai 10 orang informan terpilih iaitu 5 orang dari Telok Melano dan 5 orang dari Temajuk yang bertindak sebagai pengesah data untuk mengecualikan peluang salah tafsir.
Triangulasi	Triangulasi ialah proses mengumpul data daripada pelbagai orang dan situasi. Selain temu bual tidak formal, pengkaji menggunakan temu bual berstruktur dengan informan terpilih dalam kajian ini.
Kuasi-Statistik	Kajian ini memaparkan data statistik populasi di Telok Melano-Temajuk.
Perbandingan	Kajian ini menjadikan kajian Chong et al. (2022) dan Yusriadi dan Ismail (2015) yang dijalankan di Telok Melano-Temajuk sebagai perbandingan.

Dalam kajian ini, pemilihan informan berasaskan elemen yang dikemukakan oleh Sargeant (2012) iaitu informan jelas tentang soalan kajian dan boleh memberikan maklumat yang luas tentang soalan kajian yang dikemukakan. Seramai 10 orang informan telah terlibat dalam kajian ini dan dirakamkan perbualan mereka iaitu lima orang dari Telok Melano dan lima orang dari Temajuk. Selain itu, dialog perbualan turut diperolehi melalui rakaman perbualan telefon. Bagi menganalisis komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajuk, kajian ini menggunakan data transkripsi perbualan yang dirakam secara tak sedar semasa partisipasi observasi di kedua-dua kawasan kajian. Tujuan rakaman tak sedar dilakukan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan rakaman perbualan yang sebenar tanpa adanya modifikasi oleh penutur. Terdapat lima buah dialog yang diklasifikasikan sebagai komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajuk. Dialog-dialog ini terdiri daripada interaksi kekeluargaan dan sosial. Setiap interaksi dianalisis menggunakan strategi konvergensi dan divergensi bagi mengenal pasti pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengelaskan beberapa variasi bahasa yang wujud dalam komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajuk yang terdiri daripada (i) dialek Melayu Telok Melano iaitu variasi bahasa yang dituturkan oleh penduduk di Telok Melano yang mirip dialek Melayu Sarawak dan (ii) dialek Melayu Desa Temajuk yang dituturkan oleh penduduk Temajuk yang mirip dialek Melayu Sambas. Penyelidikan ini telah diperakui dan diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan, UKM pada 1 Februari 2022 (UKM PPI/11/8/JEP-2021-878).

DAPATAN

Bahagian ini memaparkan dapatan analisis pola komunikasi dalam kalangan masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajuk. Sebanyak lima buah rakaman perbualan antara penutur dari Telok Melano dan Temajuk telah dianalisis menggunakan strategi konvergensi dan divergensi. Hasil analisis digunakan untuk menentukan pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat.

Dialog 1: Penutupan Sempadan Telok Melano-Temajuk

Dialog di bawah merupakan rakaman perbualan di antara dua orang sepupu yang berbeza kewarganegaraan. Dalam dialog ini, sepupu yang berada di Temajuk (Indonesia) membuat panggilan telefon kepada sepupunya yang tinggal di Telok Melano (Malaysia). Peserta dalam dialog ini terdiri daripada dua orang wanita yang berusia dalam lingkungan 50 tahun ke atas. Perbualan telefon ini dirakam semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan pintu sempadan Telok Melano-Temajuk oleh kerajaan Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020. Penutur A (wanita, 56 tahun) berasal dari Telok Melano namun telah berkahwin dengan penduduk di Temajuk. Sepanjang PKP, penutur A tinggal di Telok Melano. Wanita ini boleh bertutur dalam dialek Melayu Desa Temajuk, dialek Melayu Telok Melano dan dialek Melayu Sarawak. Manakala penutur B (wanita, 51 tahun) merupakan sepupu kepada wanita A yang tinggal di Temajuk. Topik perbualan tentang penutupan sempadan Telok Melano-Temajuk akibat penularan

Covid-19. Rakaman perbualan telefon ini dibuat atas persetujuan kedua-dua peserta yang turut mengenali pengkaji.

1. A: Mun sik musem cam tok dah ada kitak datang.
(Kalau keadaan tidak seperti ini tentu awak datang ke sini)
2. B: Dah **paling** aku lah paling **karap** ke **sane**.
(Jika tidak, sayalah yang selalu pergi ke sana)
3. A: Aoklah kitak tatap, walaupun ada **sek an** ada duit.
(Benar kamu pasti datang walaupun tidak ada wang)
4. B: **Gemane cerite eng kite tok e, bekurong getok**.
(Bagaimana dengan keadaan kita yang berkurang ini)
5. A: Aku beli pasu tok e. Pakey ku nak **nyalinkan** sayor.
(Saya membeli pasu. Pasu untuk memindahkan anak benih sayur saya)
6. B: Murah ke di **sie** pasu bunga.
(Murahkah pasu bunga di sana?)
7. A: Duak ringgit duak puloh sen sigeek.
(Dua ringgit dua puluh sen bagi satu pasu)
8. B: Dah **betanamanlah ye?**
(Sudah ditanam sayur itu?)
9. A: Dah. Nak **nyalinkan** sawi ku, **ade** sayor sawi ku tabor.
(Sudah. Mahu pindahkan benih sawi. Ada sayur sawi yang disemai)

Daripada dialog di atas, didapati dialek Melayu Desa Temajak lebih mendominasi interaksi antara penutur A dan B. Terdapat beberapa kata dialek Melayu Desa Temajak yang ditandakan dengan huruf tebal seperti [musem] ‘musim’, [karap] ‘kerap’, [tatap] ‘tetap’, [sek an] ‘tidak ada’, [gemane] ‘bagaimana’, [nyalin] ‘memindahkan’, [disie] ‘di sana’, dan [betanaman] ‘bercucuk tanam’ digunakan di dalam perbualan ini. Jika dibandingkan dengan dialek Melayu Sarawak, kesemua kata ini tidak wujud dan hanya ditemui dalam interaksi kekeluargaan di Telok Melano-Temajak. Situasi ini jelas memperlihatkan wujudnya strategi konvergensi dalam interaksi kekeluargaan khususnya penerimaan beberapa perkataan serta perubahan jeda yang lebih mendekati dialek Melayu Desa Temajak yang mirip dialek Melayu Sambas. Fenomena ini jelas memperlihatkan kewujudan integrasi bahasa dalam interaksi kekeluargaan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Abdul Chaer

(2014) yang mengatakan integrasi bahasa wujud apabila unsur-unsur bahasa lain yang dibawa masuk, sudah dianggap, diperlakukan dan dipakai sebagai sebahagian daripada bahasa yang menerimanya atau yang dimasukinya.

Dialog 2: Bertanya khabar

Dialog ini merupakan rakaman perbualan telefon antara ibu angkat yang berada di Kampung Telok Melano dengan anak angkat yang berada di Desa Temajak. Perbualan telefon ini dirakam pada 6 Jun 2020. Topik perbualan bertanyakan khabar tentang keadaan pandemik Covid-19. Dalam dialog di bawah, penutur A merupakan seorang wanita (53 tahun) yang berasal dari Kampung Telok Melano dan mempunyai ramai kenalan serta keluarga angkat di Desa Temajak. Penutur A boleh bertutur dialek Melayu Desa Temajak, dialek Melayu Telok Melano dan dialek Melayu Sarawak. Manakala penutur B (wanita, 31 tahun) berasal dari Desa Temajak. Penutur B merupakan anak angkat kepada penutur A dan boleh bertutur dalam dialek Melayu Desa Temajak sahaja. Dalam rakaman ini, penutur A menghubungi anak angkatnya yang tinggal di Desa Temajak untuk bertanyakan khabar. Sebelum penutupan sempadan Telok Melano-Temajak, kedua-dua penutur sering kali bertemu di Desa Temajak atau di Kampung Telok Melano. Rakaman perbualan telefon ini dibuat atas persetujuan kedua-dua peserta yang turut mengenali pengkaji.

1. A: **Ndak** pernah gik dak Temajok pergi ke Melanau. Nak **bise**.
(Lama orang Desa Temajak tidak datang ke Kampung Telok Melano. Belum dibenarkan)
2. B: Itulah. Mak sihat kah mak?
(Itulah. Mak sihat kah di sana?)
3. A: Alhamdulillah. Sihat. Masih mukak toko lah kawu?
(Alhamdulillah. Sihat. Adakah kamu masih berniaga?)
4. B: Masih mak. Tapi **jam** satu dah tutup.
(Masih mak. Tetapi pukul satu kedai sudah tutup.)
5. A: **Ngape jek. Jam** satu pagi kah tengah ari **nak**.
(Mengapa begitu. Tutup pukul satu pagi atau satu tengahari?)
6. B: **Jam** satu tengah ari dah tutup mak.
(Pukul satu tengahari sudah tutup)
7. A: Tapi syukur juak masih pagi-pagi bukak.
(Syukur masih dapat buka kedai pada sebelah pagi)

8. B: Alhamdulillah mak.
(Alhamdulillah mak)
9. A: Angah di **mane**?
(Di mana Angah?)
10. B: **Ade** kerja **en** nya mak nak **nyelesaikannya**.
(Dia ada urusan yang hendak diselesaikan)
11. A: Di **mane** yeh?
(Di mana?)
12. B: Di **esde ampat ballas** ya mak. Yang **dakat lapangan** bola ya mak.
(Di Sekolah Dasar 14 itu. Berhampiran dengan padang bola)
13. A: Awoklah. Along dah balitkah?
(Baiklah. Along sudah balik?)
14. B: Udah mak. **Jam** sembilan **labihnya** balit mak.
(Sudah mak. Pukul sembilan lebih dia balik tadi)

Dialog di atas memaparkan rakaman perbualan antara penutur A yang berasal dari Kampung Telok Melano dengan penutur B yang berasal dari Desa Temajuk. Penutur A merupakan ibu angkat kepada penutur B. Dalam perbualan tersebut, didapati dialek Melayu Desa Temajuk lebih dominan berbanding dialek Melayu Telok Melano. Terdapat banyak kata dialek Melayu Desa Temajuk seperti yang ditandakan dengan huruf tebal ditemui dalam perbualan ini seperti kata [bise] 'dapat', [toko] 'kedai runcit', [ngape] 'mengapa' dan lain-lain. Selain itu, dalam perbualan ini didapati penutur A turut menggunakan dialek Melayu Telok Melano yang ditandakan dengan huruf garis bawah seperti kata [mukak] 'buka', [juak] 'juga', [awok] 'ya', dan [balit] 'balik', namun ia dapat difahami oleh penutur B. Fenomena komunikasi yang terjadi antara penutur A dan B telah mewujudkan integrasi bahasa iaitu penggunaan bahasa masyarakat sekeliling sehingga menjadi ruang komunikasi bersama dalam proses interaksi dalam masyarakat (Vusyk et al., 2019). Dalam konteks akomodasi, penutur A didapati melakukan konvergensi dengan menggunakan dialek Melayu Desa Temajuk dalam perbualannya dengan penutur B bagi tujuan untuk meningkatkan identiti kekeluargaan dalam kalangan komuniti sempadan. Fenomena ini bertepatan dengan pandangan Giles et al. (1991) yang mengatakan konvergensi berupaya memupuk inovasi dalam komunikasi pada peringkat leksikal, tatabahasa, prosodi dan bukan lisan yang berperanan dalam meningkatkan identiti pasangan dan keluarga serta membentuk identiti kumpulan kecil.

Dialog 3: Ucapan Selamat Hari Raya 2020

Dialog ini dirakam dari perbualan telefon antara nenek yang tinggal di Kampung Telok Melano dengan cucu angkatnya yang berada di Desa Temajuk. Perbualan ini dirakam pada hari raya Aidilfitri 2020, iaitu sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebelum penutupan sempadan Telok Melano-Temajuk, kedua-dua masyarakat sempadan ini saling kunjung mengunjungi pada Hari Raya Aidilfitri. Penutupan sempadan menyebabkan suasana Hari Raya Aidilfitri tahun 2020 kurang meriah. Rakaman perbualan telefon ini dibuat atas persetujuan kedua-dua penutur yang turut mengenali pengkaji. Dalam dialog di bawah, penutur A merupakan seorang lelaki (32 tahun) yang berasal dari Desa Temajuk. Beliau merupakan cucu angkat kepada penutur B. Penutur A boleh bertutur dialek Melayu Desa Temajuk dan dialek Melayu Telok Melano. Manakala penutur B seorang wanita (53 tahun) yang berasal dari Kampung Telok Melano dan mempunyai ramai kenalan dan keluarga angkat di Desa Temajuk. Wanita ini boleh bertutur dialek Melayu Desa Temajuk, dialek Melayu Telok Melano dan dialek Melayu Sarawak. Dalam rakaman ini, penutur A menghubungi penutur B yang tinggal di Kampung Telok Melano untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

1. A: Mohon **maap lahir** dan batin. Maaf juak sik pergi rumah nenek.
(Minta maaf zahir dan batin kerana tidak pergi ke rumah nenek)
2. B: Nek pun sama juak. Mintak ampun mintak maaf juak.
(Nenek minta ampun dan maaf juga)
3. A: Kitak di siney nek. Di Melanau kah atau di Kuching?
(Nenek di mana. Di Kampung Telok Melano atau di Kuching?)
4. B: Ninek di Melano jak. Semua anak-anak ninek ada bekumpul.
(Nenek di Kampung Telok Melano. Semua anak-anak nenek ada di sini)
5. A: Raya tok mun sik ke Melano rasa sik raya.
(Hari Raya kalau tidak ke Kampung Telok Melano seperti tidak beraya.)
6. B: Benar kata kawu, rasa sik beraya rasanya. Sik meriah.
(Betul kata awak, seperti tidak beraya. Tidak meriah)

7. A: Rasa **ape** nak pergi ke Melano. Rindu orang di Melano.
(Saya ingin sekali pergi ke Kampung Telok Melano. Rindu orang di sana)
8. B: Sik ada kitak orang datang ke sitok sik meriah raya.
(Tidak ada orang dari Temajak datang ke sini tidak meriah hari raya)
9. A: Apa boleh buat lah nek. Tok pun diam di rumah jak.
(Apa boleh buat. Sekarang hanya duduk di rumah sahaja)

Dalam dialog di atas, dialek Melayu Telok Melano yang ditandakan dengan huruf garis bawah didapati lebih dominan dalam perbualan antara cucu angkat yang berasal dari Desa Temajak dengan nenek angkat yang tinggal di Kampung Telok Melano. Penutur A didapati mempunyai kemahiran bertutur dalam dialek Melayu Telok Melano seperti yang dipaparkan dalam dialog (3) iaitu ‘Kitak di siney. Di Melanau kah di Kuching’ (Nenek di mana. Di Kampung Telok Melano atau di Kuching?). Penggunaan dialek Melayu Telok Melano oleh penutur A menunjukkan wujudnya strategi konvergensi yang menyumbang kepada integrasi bahasa, sesuai dengan keperluan dialek Melayu Telok Melano kepada penutur A dalam konteks hubungan sosial. Justeru, bagi mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan hubungan sosial, integrasi bahasa berasaskan strategi konvergensi amat diperlukan oleh penutur A.

Dialog 4: Kawan dari Telok Melano

Interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sempadan turut melibatkan interaksi harian dengan rakan sebaya yang berlainan kewarganegaraan. Perhubungan ini wujud hasil perkahwinan antara penduduk di Kampung Telok Melano dengan penduduk di Desa Temajak. Perbualan di bawah dirakamkan di sebuah rumah di Desa Temajak. Pemilik rumah tersebut merupakan seorang wanita dari Desa Temajak yang berkahwin dengan seorang lelaki yang berasal dari Kampung Telok Melano. Sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), remaja perempuan ini pernah bersekolah di SMK Sematan, Lundu namun telah berhenti sekolah apabila berpindah ke Desa Temajak. Dalam dialog di bawah, penutur A (wanita, 20 tahun) berasal dari Desa Temajak bertutur dalam dialek Melayu Desa Temajak. Manakala penutur B (wanita, 16 tahun) berasal dari Kampung Telok Melano dan menetap

di Desa Temajak bersama keluarganya. Remaja perempuan ini boleh bertutur dialek Melayu Telok Melano, dialek Melayu Desa Temajak dan dialek Melayu Sarawak. Dalam rakaman ini, penutur A bertanya kepada penutur B tentang tahap pendidikan di Malaysia.

1. A: Sekolah sampai **tingkat berape** di sinun?
(Sekolah sehingga tingkatan berapa di sana?)
2. B: Tiga. Tingkatan tiga.
(Tiga. Tingkatan tiga)
3. A: Tingkat **tige es em a ye**
(Tingkatan tiga sama dengan Sekolah Menengah Atas kah?)
4. B: Masok satu **es em a** lah mun kire sitok.
(Tahap satu Sekolah Menengah Atas sekiranya di sini)
5. A: Jadi sitok sekolah?
(Adakah masih bersekolah di sini?)
6. B: Sik. Berenti.
(Tidak. Sudah berhenti sekolah)
7. A: **Gare-gare** karona atau **sengaje** berenti?
(Disebabkan Covid-19 atau memang sengaja berhenti sekolah)
8. B: Lamak dah berenti. Bulan tujoh tadik.
(Sudah lama berhenti. Bulan Julai lepas)
9. A: Ari-ari ngomong dengan tetangga pakai bahasa Malaysia **ke**?
(Bahasa perbualan harian dengan jiran adakah bahasa Malaysia?)
10. B: Kadang tersasul bahasa Malaysia juak dengan bahasa Temajak.
(Kadang tersasul menggunakan bahasa Malaysia juga dengan bahasa Temajak)

Dialog di atas memaparkan perbualan dalam domain persahabatan yang melibatkan generasi muda. Dalam perbualan di atas, didapati penutur A bertanya dengan penutur B menggunakan dialek Melayu Desa Temajak (perkataan yang ditandakan dengan huruf tebal). Manakala penutur B menjawab pertanyaan tersebut menggunakan dialek Melayu Telok Melano (perkataan yang ditandakan dengan huruf garis bawah). Penutur B yang pernah mendapat pendidikan menengah di Sematan didapati tidak mahir bertutur dalam dialek Melayu Desa Temajak walaupun ibunya berasal dari Desa Temajak. Dalam dialog (10), penutur B mengakui sering tersasul menggunakan bahasa Malaysia dengan jiran tetangga di Desa Temajak. Walaupun situasi ini lebih mendekati divergensi bahasa, namun hubungan saling memahami yang menguntungkan bahasa penerima (dalam konteks

dialog di atas ialah dialek Melayu Desa Temajuk) menyumbang kepada integrasi bahasa khususnya dalam konteks kosa kata, peluasan makna kata dan sebagainya (Muhammad Arif 2021).

Dialog 5: Perbualan di Kedai Agro, Kampung Telok Melano

Dalam konteks masyarakat sempadan, interaksi sosial dalam urusan jual beli sememangnya rancak sama ada di Telok Melano mahupun di Desa Temajuk. Sebelum penutupan sempadan Telok Melano-Temajuk pada 18 Mac 2020, urusan jual beli dalam kalangan masyarakat sempadan berlaku pada setiap hari. Kebanyakan penduduk di Desa Temajuk mendapatkan keperluan asas seperti gula, minyak masak, milo, beras dan telur yang lebih murah harganya di Telok Melano. Manakala penduduk di Telok Melano pula mendapatkan keperluan harian seperti ikan, sayur dan lain-lain dari Temajuk. Dalam urusan jual beli, mata wang ringgit dan rupiah diterima di kedua-dua kawasan berdasarkan kadar tukaran yang dipersetujui. Dalam dialog di bawah, penutur A (lelaki, 38 tahun) berasal dari Telok Melano yang boleh bertutur dalam dialek Melayu Telok Melano dan dialek Melayu Sarawak. Penutur B (wanita, 65 tahun) berasal dari Desa Temajuk yang menetap di rumah menantu lelakinya di Telok Melano. Penutur B boleh bertutur dalam dialek Melayu Desa Temajuk dan dialek Melayu Telok Melano.

1. A: Gula ada?
(Ada gula?)
2. B: **Ade nun** di belakang
(Ada di belakang sana)
3. A: Berapa **reganya**?
(Berapa harganya?)
4. B: Tiga ringgit **jak**. Ya jak kah?
(Tiga ringgit sahaja. Adakah itu sahaja?)
5. A: **Awok**. Belum **balit** sinun **kitak**?
(Ya itu sahaja. Awak belum balik ke Temajuk)
6. B: **Ballum**. Kan **batas** masih **ballum bukak**.
Kobit **tok**.
(Belum. Sempadan masih belum dibuka disebabkan Covid-19.)
7. A: Kuranglah **sidak** Temajok ke **sitok**.
(Kuranglah orang dari Temajuk pergi ke sini)
8. B: **Lamak sidak sik** datang. **Batas** tutup. **Dolok ramey**.
(Lama orang Temajuk tidak datang ke sini. Sempadan tutup. Dahulu ramai.)

Dialog di atas memaparkan perbualan antara penutur A dan penutur B di sebuah kedai runcit di Telok Melano. Dalam perbualan di antara penutur A dan B, penggunaan dialek Melayu Telok Melano yang ditandakan dengan huruf garis bawah didapati lebih dominan. Walaupun begitu, peserta B didapati masih menggunakan beberapa perkataan dalam dialek Melayu Desa Temajuk (yang ditandakan dengan huruf tebal) seperti [ballum] 'belum' dan [batas] 'sempadan' dalam perbualan tersebut. Dalam konteks konvergensi, pemilihan dialek Melayu Telok Melano oleh penutur B penting bagi membentuk komunikasi berkesan semasa urusan jual beli. Menurut Choi dan Mattila (2008), penggunaan bahasa yang tidak bersesuaian menjadikan pengguna atau pelanggan kurang mengesyorkan pembekal sesuatu perkhidmatan kepada orang lain.

PERBINCANGAN

Sesungguhnya, ketika meneliti pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat penempadanan yang dua masyarakat tersebut mempunyai pertalian dari segi salasilah keturunan, tetapi berbeza variasi dialek Melayu, kajian boleh saja hanya berfokus pada isu-isu seperti pertukaran atau pencampuran kod. Ini kerana melalui pengamatan terhadap pertukaran dan pencampuran kod, pengkaji dapat mengetahui tujuan sesuatu kod tersebut dipilih oleh penutur. Namun demikian, dalam konteks tertentu, pertukaran atau pencampuran kod turut berkait rapat dengan akomodasi pertuturan. Dalam erti kata lain, intensiti seseorang penutur menyesuaikan pertuturan dengan bahasa lawan bicara sama ada secara konvergen ataupun divergen didorong oleh tujuan-tujuan tertentu. Daripada kelima-lima contoh dialog yang dipaparkan, strategi komunikasi berbentuk konvergensi dikesani pada setiap situasi perbualan. Strategi konvergensi pertuturan yang dilakukan mendukung fungsi-fungsi tertentu, mengikut situasi dalam dialog. Dalam kajian ini, strategi konvergensi bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara dua orang sepupu yang berlainan warganegara melalui penerimaan beberapa perkataan serta perubahan jeda yang lebih mendekati bahasa lawan bicara (Dialog 1), meningkatkan identiti kekeluargaan (Dialog 2), meningkatkan hubungan sosial penutur (Dialog 3) dan memastikan komunikasi berkesan dalam urusan jual beli (Dialog 5). Dalam situasi perbualan yang menyaksikan seakan-akan divergensi (Dialog 4), didapati bahawa penutur memilih bahasa yang berbeza ketika bertutur bukan untuk tujuan

memaparkan perbezaan atau jarak sosial antara mereka, tetapi kerana latar belakang salah seorang penutur yang tidak mahir dalam dua bahasa (dialek Melayu Desa Temajak dan dialek Melayu Telok Melano) yang memang dikuasai oleh penduduk setempat.

Dari sudut akomodasi komunikasi yang menyumbang kepada integrasi bahasa di sempadan dua buah negara, didapati wujud perbezaan mengikut peringkat umur. Generasi tua di Telok Melano (Malaysia) didapati cenderung melakukan strategi konvergensi iaitu dari dialek Melayu Telok Melano kepada dialek Melayu Desa Temajak berbanding generasi muda. Gejala ini dipengaruhi oleh sikap bahasa dan pengakuan identiti antara generasi yang berbeza di Telok Melano. Golongan tua di Telok Melano walaupun merupakan warganegara Malaysia, namun mereka masih terikat dengan asal-usul berketurunan Sambas (Indonesia). Justeru, mereka masih mengekalkan bahasa ibunda (iaitu dialek Melayu Sambas) dan rancak digunakan dalam interaksi antara komuniti sempadan. Generasi muda di Kampung Telok Melano sebaliknya dikesan mula beralih dan berintegrasi dalam dialek Melayu Sarawak variasi Kuching. Dalam hal ini, pempadanan politik telah membentuk identiti baharu mereka sebagai “orang Sarawak”, dan juga termasuk menuturkan bahasa “baharu”, iaitu dialek Melayu Sarawak. Golongan ini bukannya tidak tahu berbahasa Sambas, tetapi bahasa ini sudah berubah status menjadi bahasa pergaulan sosial, daripada sebagai bahasa “keluarga”. Transisi bahasa ini telah menjadikan bahasa Sambas sebagai bahasa yang membawa perubahan eksternal kepada dialek Melayu Sarawak variasi Telok Melano. Dalam erti kata lain, situasi pencampuran kod bahasa Sambas yang ditemui dalam pertuturan seharian penduduk Melayu Telok Melayu merupakan kod bahasa asing yang memainkan peranan atau fungsi pragmatik tertentu dalam berkomunikasi.

Dalam teori akomodasi, situasi transisi bahasa yang berlaku di Telok Melano dapat dicerminkan sebagai penyesuaian dari segi dimensi menaik (*upward*) dan menurun (*downward*). Konsep yang dikemukakan oleh Giles & Powesland (1975) dalam teori akomodasi pertuturan ini mengatakan bahawa penyesuaian “menaik” merujuk kepada penutur cenderung bertukar ke bahasa yang lebih berprestij manakala penyesuaian “menurun” cenderung bertukar ke bahasa yang lebih rendah status. Bagi kes di Telok Melano, walaupun dialek Melayu Telok Melano telah berintegrasi dengan dialek Melayu Kuching (salah satu lingua franca Sarawak yang berprestij tinggi); lihat Mohammed

Azlan Mis (2010), namun setakat ini belum jelas sama ada penggunaan kod-kod dialek Melayu Telok Melano, baik oleh penutur Melayu yang berasal dari Desa Temajak ataupun Telok Melano, adalah dipilih berdasarkan sesuatu kod itu berprestij ataupun sebaliknya. Data-data yang ada hanya menunjukkan bahawa akomodasi dilakukan dengan tujuan mencapai tujuan-tujuan pragmatik tertentu. Sesungguhnya, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk meneliti perkara ini pada masa akan datang.

Berpandukan dapatan analisis, lima sampel dialog di atas merumuskan bahawa pola komunikasi rentas sempadan di Borneo Barat telah menyumbang kepada fenomena integrasi dan pilihan variasi bahasa dalam interaksi harian dua kelompok masyarakat yang tinggal berdekatan, tetapi dipisahkan oleh sempadan antarabangsa. Dapatan ini menunjukkan bahawa pola komunikasi masyarakat sempadan di Telok Melano-Temajak tidak dikekang oleh ruang sosial dan garis sempadan sesebuah negara. Masyarakat yang tinggal di kawasan sempadan bahkan menunjukkan ciri multilingualisme yang kompleks daripada masyarakat lain, misalnya masyarakat Melayu Kuching yang tinggal di luar lingkungan Telok Melano, mahupun penduduk Sambas yang tinggal di desa-desa di luar Desa Temajak. Berdasarkan lima dialog yang dipilih, didapati informan dari Telok Melano mengakomodasikan pertuturannya dengan menggunakan dialek Melayu Desa Temajak sehinggakan menunjukkan dialek Melayu Desa Temajak kelihatan lebih dominan berbanding dialek Melayu Telok Melano. Dalam interaksi yang berlaku di Telok Melano seperti yang dipaparkan dalam dialog 5, maka kelihatan informan dari Desa Temajak mengakomodasi pertuturan dengan dialek Melayu Telok Melano. Oleh kerana faktor kontak bahasa dan pendedahan kepada variasi bahasa masing-masing dalam aktiviti-aktiviti seharian, maka penutur di kawasan sempadan ini rata-ratanya adalah bilingual.

KESIMPULAN

Daripada lima buah dialog yang dipaparkan di atas, didapati dialek Melayu Desa Temajak lebih dominan dalam interaksi kekeluargaan iaitu dalam dialog 1, 2 dan 4. Manakala dalam dialog 3 dan 5, didapati dialek Melayu Telok Melano lebih dominan dalam interaksi sosial. Selain itu, dalam komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajak, terdapat beberapa kata dalam dialek Melayu Desa Temajak yang telah diterima pakai di dalam dialek Melayu

Telok Melano hasil konvergensi bahasa yang terbina oleh kedua-dua komuniti sempadan ini. Fenomena ini telah menyumbang kepada integrasi bahasa yang lebih rencam dalam komunikasi rentas sempadan di Telok Melano-Temajak dalam beberapa tahun akan datang khususnya di Kampung Telok Melano iaitu selepas pembukaan jajaran Sematan-Telok Melano, Lebu Raya Pan Borneo pada 26 Januari 2019. Kepesatan pembangunan di Telok Melano bukan sahaja membawa limpahan kemajuan kepada penduduk setempat, namun turut mempengaruhi pola komunikasi masyarakat sempadan khususnya dari aspek bahasa hasil interaksi penduduk setempat dengan pengunjung yang datang dari luar kawasan Telok Melano. Justeru, dapatan kajian ini merupakan satu dokumentasi penting yang merekodkan pola komunikasi rentas sempadan dalam sesebuah masyarakat di frasa transisi, dari marginal ke ambang yang terbuka kepada dunia luar.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. 2014. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Aimei Zhang, Junaidi Asis, Xudong Fang, Haidong Li, Shariff A.K. Omang, Min Chen, Qi Fang, Dongyi Li, & Touping Peng. 2022. Late Cretaceous fore-arc spreading in the northern Kuching Zone of West Borneo, SE Asia: Constraints from the Pakong Mafic Complex. *Journal of Asian Earth Sciences*, 230, Doi: 10.1016/j.jseaes.2022.105189.
- Ayeni, B. 2021. Language Choices and its Effect in a Culturally Diversified Nigeria Business Places: Adopting Giles' Communication Accommodation Theory. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 10 (10), 80-87.
- Bailey, C. A. 2007. *A Guide to Qualitative Field Research*. SAGE Publications, Inc., <https://dx.doi.org/10.4135/9781412983204>
- Chevalier BAM, Watson BM, Barras MA, & Cottrell WN. 2020. Assessing Communication Behaviours of Hospital Pharmacists: How Well Do the Perspectives of Pharmacists, Patients, and an Independent Observer Align? *Journal of Language and Social Psychology*, 39(5-6), 626-652.
- Choi, S., & Mattila, A. 2008. Perceived Controllability and Service Expectations: Influences on Customer Reactions Following Service Failure. *Journal of Business Research*, 61 (1), 24-30.
- Chong Shin. 2008. Sketsa Varian Bidayuhik Hilir Sungai Kualan. Dalam Chong Shin. *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. 2010. Akomodasi pertuturan dan bahasa Iban ke bahasa Iban. *Bahasa*, 19, 104-112.
- Chong Shin, Dilah Tuah, & Yusriadi. 2022. An Initial Qualitative Exploration of Economic, Cultural, and Language Changes in Telok Melano, Sarawak, Malaysia. *Sustainability*, 14, (5), 2655.
- Collins, J. T. 2016. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coupland, N. 2008. The delicate constitution of identity in face-to-face accommodation: A response to Trudgill. *Language in Society*, 37, 267-270.
- Dragojevic, M., Gasiorek, J., & Giles, H. 2015. Communication Accommodation Theory. In *The International Encyclopedia of Interpersonal Communication* (eds C.R. Berger, M.E. Roloff, S.R. Wilson, J.P. Dillard, J. Caughlin, & D. Solomon). <https://doi.org/10.1002/9781118540190.wbeic006>.
- Esser, H. 2006. *Migration, Language and Integration*. Arbeitsstelle Interkulturelle Konflikte und gesellschaftliche Integration (AKI) Wissenschaftszentrum Berlin für Sozialforschung (WZB) Programme on Intercultural Conflicts and Societal Integration (AKI), Social Science Research Center Berlin.
- George, Mary W. 2008. *The Elements of Library Research: What Every Student Needs to Know*. Princeton: Princeton University Press.
- Giles, H. (1973). Accent mobility: A model and some data. *Anthropological Linguistics*, 15, 87-109.
- Giles, H., & Powesland, P. F. 1975. *Speech style and social evaluation*. London: Academic Press.
- Giles, H., Coupland, N., & Coupland, J. 1991. Accommodation theory: Communication, context. In H. Giles, N. Coupland & J. Coupland (Eds.), *Contexts of accommodation* (pp. 1-68). Cambridge: Cambridge University Press.
- Haller-Trost, R. 1995. The Territorial Dispute Between Indonesia and Malaysia Over Pulau Sipadan and Pulau Ligitan in the Celebes Sea: A Study in International Law. International Boundaries Reserch Unit, University of Durham.
- Hantgan, A. 2017. Choices in Language Accommodation at The Crossroads: Convergence, Divergence, And Mixing. *Journal of the Anthropological Society of Oxford Online*, IX (1), 102-118.
- Harrisson, T. 1970. *The Malays of South-West Sarawak before Malaysia: A socio-ecological survey*. Michigan: Michigan State University Press.
- Hudson, A. B. 1970. A note on Salako: Malayic Dayak and Land Dayak in West Borneo. *Sarawak Museum Journal*, 18, 301-318.
- Idris Aman, Rosniah Mustaffa & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2010). Akomodasi Aksen, Identiti dan Integrasi Kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 10 (1), 37-53.
- Irwin, G. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas*. Terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishikawa, N. 2010. *Between Frontiers. Nation and Identity in a Southeast Asian Borderland*. Singapore: NUS Press.

- Kamarullah, Ismail Ruslan, Abdul Mukti, Ridwan Rosdiawan, Syarifah Aminah, Sri Hidayati, & Yusriadi. 2017. *Pemetaan Radikal Terorisme di Perbatasan Kalbar*. Pontianak: IAIN Pontianak Press.
- Malloy, T. E., Goldfield, B., & Kluger, A. N. 2022. Mothers Listen To Children And Uniquely Accommodate Their Language With Them. *International Journal of Listening*, DOI: 10.1080/10904018.2021.1993069
- Maxwell, J.A. 2013. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*, 3rd ed. SAGE Publication, Inc.: Thousand Oaks, CA, USA.
- Mohd Alif Jasni, Norruzeyati Mohd Che Nasir, & Mohd Nazri Ibrahim. 2020. Strategi Komunikasi dengan Gelandangan semasa Pandemik COVID-19: Pengalaman Sukarelawan Sepanjang Fasa Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 15 (1), 57-91.
- Mohammed Azlan Mis. 2010. Lingua Franca di Sarawak: aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2): 97-116.
- Montgomery, G., Zhang, Y. B., & Imamura, M. 2021. The effects of Latino immigrants' acculturation strategy and U.S. Americans' assimilation attitudes on perceptions of accommodation satisfaction and willingness to communicate. *International Journal of Intercultural Relations*, 82, 157-167.
- Morgan, T., Soliz, J., Minniear, M., & Bergquist, G. 2020. Communication Accommodation and Identity Gaps as Predictors of Relational Solidarity in Interfaith Family Relationships. *Communication Reports*, 33 (1), 41-54.
- Muhammad Arif Firmansyah. 2021. Interferensi dan Integrasi Bahasa: Kajian Sociolinguistik. *Paramasastra*, 8 (1), 46-59.
- Nazaruddin Haji Hamit. 2003. Tourism Planning at the Local Level: A Case Study of Lundu-Sematan, Sarawak, Malaysia. Master thesis, Lincoln University, New Zealand.
- Nguyen, T.T., & Hamid, M. 2017. Language choice, identity and social distance: Ethnic minority students in Vietnam. *Applied Linguistics Review*, 10, 137-161.
- Rami Maher Delli, Lai Siew Mei Pauline, & Francisco Perlas Dumanig. 2022. Improving Medication Safety in Pharmacist-Patient Interactions: Making a Case for the Use of Communication Accommodation Strategies. *Global Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*, 10 (1), 39-53.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan, & Amrullah Maraining. 2015. Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan identiti komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (7), 9-20.
- Remmy Gedat. 2011. Kepelbagaian variasi bahasa Iban dan corak pemilihannya dalam interiksi: Kajian kes di Bahagian Barat Sarawak. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanib Said. 2013. *Melayu Sarawak Sejarah yang Hilang*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Sarawak Gazette, 1 Jun 1908
- Sarawak Gazette, 1 Oktober 1895
- Sargeant, J. 2012. Qualitative research part II: Participants, analysis, and quality assurance. *Journal of Graduate Medical Education*, 4(1), 1-3.
- Smith, A. D. 2017. The Languages of Borneo: A Comprehensive Classification. Tesis Dr. Fal, University of Hawai'i at Mānoa.
- Sugiardi Sigit, Jamhari, Hartono Slamet, & Waluyati Lestari Rahayu. (2021). Factors affecting the performance of the traditional fisheries fishing effort in the regency of Kubu Raya, West Borneo. *Journal of Science and Technology Policy Management*, 12 (1), 5-23.
- Tsoumou, J. M. 2019. Communication Accommodation Amongst Congolese Facebook Users. *Huarte de San Juan. Filología y Didáctica de la Lengua*, 19, 150-181.
- Vatamanescu, Elena-Madalina & Andra-Dina Pana. 2010. The Application of the Communication Accommodation Theory to Virtual Communities: A Preliminary Research on the Online Identities. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences: Annual Review*, 5 (4), 279-290.
- Vusyk, H., Oliynyk, E., & Pavlyk, N. 2019. The Problem of Linguistic Integration: The Social and Linguistic Adaptation of Refugees in the Modern International Space. *Journal of History Culture and Art Research*, 8(3), 220-233.
- Woods, F. A., & Ruscher, J. B. 2021. 'calling-out' vs. 'calling-in' prejudice: Confrontation style affects inferred motive and expected outcomes. *British Journal of Social Psychology*, 60 (1), 50-73.
- Yusriadi & Ismail Ruslan. 2015. *Temajak, Sempadan di Ekor Borneo*. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Yusriadi. 2014. *Bahasa dan identiti Melayu di Riam Panjang*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dilah bin Tuah
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak.
tdilah@unimas.my

Chong Shin
Institut Alam & Tamadun Melayu (Atma)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
chongshin@ukm.edu.my